

Teks Ucapan Sempena Sambutan Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 14/07/2022

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI PENEROKA FELDA PERINGKAT
KEBANGSAAN**

**14 JULAI 2022 | KHAMIS | 9.00 PAGI PADANG AWAM FELDA
RENTAM, BERA, PAHANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya dapat bersama-sama dengan warga peneroka yang

datang dari seluruh negara ke FELDA Rentam pagi ini sempena Sambutan Hati Peneroka Peringkat Kebangsaan.

2. Sambutan Hari Peneroka kali ini sangat istimewa apabila diadakan di kawasan Parlimen saya sendiri, Parlimen Bera. Peneroka dan semua warga FELDA di sini sudah tentu menjadi saksi betapa dekatnya FELDA di hati saya.

3. Di sinilah tempat saya mencurahkan jiwa saya. Atas sebab itu juga apabila saya menjadi Perdana Menteri, FELDA sentiasa menjadi agenda yang kita bincangkan termasuk di peringkat Kabinet.

4. Saya juga sentiasa berhubung terus dengan YB Tan Sri Idris Jusoh, Pengerusi FELDA dan Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) untuk mengetahui perkembangan terkini FELDA termasuk masalah yang dihadapi oleh para peneroka FELDA.

5. Alhamdulillah, daripada maklum balas yang saya terima daripada YB Tan Sri serta pengamatan saya sendiri, FELDA telah melangkah jauh mencipta pelbagai kejayaan sejak 66 tahun penubuhannya. Memang amat bersesuaianlah tema sambutan kita pada hari ini, **'Kejayaan Dalam Keberkatan'**.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

6. Jika disoroti kembali kejayaan FELDA dalam bidang perladangan, pelbagai kemajuan dicapai termasuk pemeraksanaan mekanisasi dan teknologi dalam pengurusan ladang peneroka, sehingga produktivitinya dapat ditingkatkan kepada purata 20 tan sehektar setahun, pada tahun ini.

7. Pencapaian ini mewakili pertambahan sebanyak 2.71 tan sehektar berbanding hasil purata peneroka bagi tahun 2021.

8. Saya berbesar hati ingin berkongsi bahawa peningkatan produktiviti ini telah membawa kepada **penciptaan nilai** atau **value creation** buat warga peneroka dengan jumlah melebihi **RM1 bilion** setahun.

9. Peneroka juga dapat menerima tambahan pendapatan sehingga **RM162 juta** bagi setiap kenaikan 0.5 peratus kadar perahan minyak. FELDA juga berjaya **mengurangkan kos operasi ladang** dengan penjimatan **RM200 juta kos pembelian baja** apabila Smart Plantation Management Solution (SPMS) iaitu aplikasi pintar yang diguna pakai membolehkan pembelian baja dibuat berdasarkan dirian pokok berbanding keluasan kawasan. Ini juga disokong dengan sumber alternatif dan bahan buangan kilang seperti tandan buah kosong serta abu tandan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

10. FELDA bukan sahaja memainkan peranan yang besar dalam sektor perladangan tetapi turut sama menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

11. Menerusi mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi pada bulan Jun lalu, saya telah mengumumkan lima langkah bagi menjamin sekuriti makanan termasuk memperkasa ekosistem agromakanan dengan bekalan rantai terajui oleh GLC, GLIC dan agensi kerajaan.

12. Alhamdulillah saya lihat FELDA memantapkan komitmen yang begitu utuh dalam membawa saranan ini. Melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang dilaksanakan sejak 2019, FELDA telah meluluskan sebanyak **8,542 projek penternakan** dan pertanian dengan dana berjumlah **RM212 juta**.

13. Di samping membantu agenda sekuriti makanan negara, sebahagian projek PPP juga telah mula berhasil dan dapat memberikan tambahan pendapatan kepada 56,699 orang peneroka dengan purata **RM250 hingga RM500 sebulan**.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

14. Saya juga mendengar keluh kesah peneroka tanaman getah yang runsing dengan harga getah yang rendah. Saya ingin tekankan di sini, Kerajaan dan FELDA tidak pernah meminggirkan peneroka tanaman getah ini.

15. Oleh yang demikian, saya berbesar hati mengumumkan bahawa FELDA akan memperuntukkan **RM6.1 juta dana pengurusan tahun 2022** bagi mengambil alih pengurusan pusat mengumpul getah (PMG) daripada FGV Rubber Industries Sdn Bhd.

16. Dengan pengambilalihan ini, FELDA dan FGV Rubber Industries telah mencapai persetujuan untuk mengurangkan kos operasi kilang sebanyak 23 sen bagi setiap kilogram getah kering dengan tambahan lagi sebanyak 5 sen apabila mencapai sasaran bulanan.

17. Keseluruhan pengurangan sebanyak 28 sen ini akan memberikan tambahan pendapatan **RM11.2 juta bagi 10,707 peneroka tanaman getah.**

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

18. Selain aspek perladangan, FELDA turut memainkan peranan yang begitu besar dalam pembangunan generasi baharunya yang telah melangkaui ke generasi keempat.

19. Untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada usahawan dalam kalangan generasi baharu FELDA untuk meningkatkan kapasiti perniagaan atau juga untuk memulakan perniagaan, FELDA telah memperuntukkan **dana pusingan sebanyak RM10 juta** bagi tujuan ini.

20. Pinjaman tanpa faedah ini diberikan dengan **nilai minimum RM5,000 hingga maksimum RM20,000** mengikut pakej. Usahawan belia FELDA dari seluruh negara yang berminat boleh mula membuat permohonan bermula pada bulan **Ogos 2022**.

21. Bagi memberi kemudahan kepada generasi baharu FELDA untuk bermastautin di kawasan rancangan pula, FELDA sebelum ini telah melaksanakan projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF).

22. Pada hari ini, saya ingin mengumumkan bahawa **RM7.6 juta sewaan bulanan** yang telah dibayar oleh 2,025 penghuni PGBF serta sewaan yang akan dikutip selepas ini **dijadikan deposit apabila mereka membeli kediaman PGBF tersebut**.

23. Sebagai contoh, bayaran sewaan selama 36 bulan berjumlah **RM10,800 akan dijadikan deposit** lantas mengurangkan pembiayaan satu unit rumah tengah yang berharga RM90,000 kepada **RM79,200** sahaja.

24. Bagi baki 1,400 unit PGBF yang belum disiapkan dengan kos pembangunan keseluruhan RM204 juta, FELDA akan meneruskan projek-projek ini melalui **inisiatif pembiayaan swasta** di mana pihak pemaju akan menanggung kos pembinaan tanpa memerlukan dana daripada FELDA. Projek rintis akan dilaksanakan di FELDA Bukit Aping Timur dan FELDA Pasak di Johor serta FELDA Chiku 5 di Kelantan.

25. Penambahbaikan kepada model PGBF yang lebih mampan juga telah dilaksanakan dengan pengenalan inisiatif lot generasi FELDA. Sehingga kini, sebanyak **8,670 unit lot generasi** telah dikenal pasti termasuk 3,200 unit yang telah saya umumkan di Johor pada bulan Mac lalu.

26. Buat masa ini, inisiatif ini akan dilaksanakan di negeri Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Terengganu, Perak, Kelantan dan Kedah. Di Parlimen Bera ini sahaja, sebanyak 250 lot telah dikenal pasti iaitu di FELDA Kumai dan FELDA Triang 1.

27. Bagi membantu generasi baharu dan memudahkan proses pembiayaan bagi pembinaan rumah di lot generasi ini, saya mengumumkan dana berjumlah **RM20 juta** diperuntukkan menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan sebagai **cagaran kepada pinjaman-pinjaman perumahan** yang bakal dibuat oleh generasi baharu FELDA ini.

28. Oleh itu, mereka tidak perlu menyediakan cagaran bagi membuat pinjaman tertakluk sehingga dana ini habis dimanfaatkan.

29. Kerajaan juga mengambil berat akan peningkatan mobiliti sosial warga FELDA melalui pemerksaan insiatif-inisiatif pendidikan. Selaras dengan itu, saya ingin mengumumkan pertukaran **program Premier di MRSM FELDA kepada Program Ulul Albab.**

30. Program Ulul Albab ini akan dilaksanakan bermula pada tahun akademik 2023 dan akan mengintegrasikan program pendidikan sedia ada dengan program aliran agama termasuk tahfiz al-Quran.

31. MRSM FELDA akan menjadi MRSM kelapan yang melaksanakan program ini dan bakal melahirkan generasi baharu FELDA yang cemerlang dalam bidang profesional yang berpegang teguh kepada al-Quran dan sunnah.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

32. Infrastruktur di kawasan FELDA dilihat antara yang terbaik lantas menempatkan rancangan-rancangan FELDA sebagai komuniti contoh luar bandar. Ini dapat dicapai melalui pelbagai dana dan inisiatif bagi menyediakan infrastruktur yang terbaik buat warga FELDA.

33. Sempena ulang tahun penubuhan FELDA yang ke-66 tahun ini, saya ingin umumkan lagi peruntukan khas sebanyak **RM66 ribu** bagi kesemua **317 rancangan** dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM21 juta**.

34. Saya juga ambil maklum kesungguhan dan komitmen yang dipamerkan oleh warga peneroka sekalian dalam memperindah rancangan masing-masing bagi meraih anugerah yang paling dinanti-nantikan – Anugerah Kecemerlangan Rancangan FELDA (AKRF).

35. Sebagai penghargaan atas kesungguhan warga FELDA ini, saya mengumumkan **hadiah tempat pertama AKRF kini dinaikkan daripada RM500 ribu kepada RM1 juta**.

36. Semoga ini terus menjadi pembakar semangat kepada warga FELDA untuk menjaga keceriaan dan keindahan kawasan rancangan di samping memupuk komuniti yang bersatu padu.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

37. Saya sangat berbangga dengan pencapaian yang telah dikecapi FELDA dan warga peneroka sendiri. Alhamdulillah seperti yang disebut sebelum ini, inisiatif-inisiatif yang digarap FELDA telah membuahkan hasil yang dapat dilihat melalui peningkatan pendapatan peneroka.

38. Saya mendoakan kejayaan berterusan buat FELDA dan warga peneroka. Semoga kejayaan ini akan terus menjadikan kita masyarakat yang bersyukur dan sentiasa ikhlas dalam bersedekah dan berwakaf supaya rezeki ini akan terus mengalir bersama pahala yang tidak bersempadan.

39. Kepada semua insan-insan istimewa di hati saya yang berada di padang ini serta seluruh negara dan generasi baharu FELDA juga, saya ucapkan Selamat Hari Peneroka FELDA.

40. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, merasmikan **Sambutan Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan.**

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/07/teks-ucapan-sempena-sambutan-hari-peneroka-felda-peringkat-kebangsaan/>